



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU KEEMPAT 2023

### Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti 79.8 peratus pada suku keempat 2023

**PUTRAJAYA, 21 Februari 2024** – Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti 79.8 peratus pada suku keempat 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Keempat 2023**.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti 79.8 peratus pada suku keempat 2023, berkurang 0.4 mata peratus berbanding kadar 80.2 peratus pada suku keempat 2022. Kapasiti penggunaan yang lebih rendah dalam industri Pembuatan disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-4.2 mata peratus); dan Produk peralatan elektrik & elektronik (-0.5 mata peratus). Sebaliknya, kapasiti penggunaan industri Pembuatan meningkat berbanding 79.4 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya, meneruskan trend positif bagi dua suku tahun berturut-turut.

Secara bulanan, kadar penggunaan dalam industri Pembuatan melebihi 80.0 peratus bagi dua bulan berturut-turut, beroperasi pada 80.4 peratus dalam bulan Oktober 2023 dan 80.1 peratus pada bulan November 2023. Namun begitu, kadar kapasiti penggunaan pada bulan Disember 2023 menurun kepada 78.9 peratus. Penurunan kadar kapasiti penggunaan pada suku keempat 2023 ini sejajar dengan trend Indeks Pengeluaran Industri Pembuatan yang menyusut 0.2 peratus (ST3 2023: -0.1%). Pengurangan kadar kapasiti pengeluaran adalah dipengaruhi terutamanya oleh permintaan yang rendah, bekalan bahan yang tidak mencukupi serta pembaikan & penyelenggaraan mesin & peralatan."

Ketua Perangkawan mengulas lebih lanjut, "Terdapat lima subsektor yang merekodkan kadar kapasiti penggunaan melebihi 80.0 peratus pada suku keempat 2023. Kadar tertinggi iaitu 83.2 peratus adalah direkodkan dalam subsektor Pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka dengan menunjukkan peningkatan 4.5 mata peratus tahun ke tahun. Ini diikuti oleh Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain dengan 82.2 peratus

(+1.7 mata peratus). Sementara itu, subsektor Pembuatan petroleum, kimia, getah & plastik beroperasi pada kapasiti penggunaan terendah dengan 77.9 peratus, berkurang 4.2 mata peratus. Bagi perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, semua subsektor mencatatkan peningkatan kecuali Produk peralatan elektrik & elektronik yang menurun 0.7 mata peratus kepada 79.2 peratus.”

Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport terus menurun bagi empat suku tahun berturut-turut, berkurang 2.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 78.4 peratus pada suku tahun berkenaan. Pembuatan kok & produk petroleum bertapis mencatatkan penurunan ketara sebanyak 9.6 mata peratus, mencapai 76.1 peratus; diikuti Pembuatan pakaian yang jatuh 7.7 mata peratus kepada 76.9 peratus. Berbanding suku tahun sebelumnya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat kecil 0.02 mata peratus.

Sebaliknya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan domestik terus kukuh, mencatatkan 82.8 peratus pada suku keempat 2023 (+3.3 mata peratus). Semua industri dalam segmen ini merekodkan trend peningkatan kecuali Pembuatan produk kulit & barangan berkaitan yang berkurang 10.9 mata peratus kepada 81.9 peratus. Berbanding suku ketiga 2023, industri berorientasikan domestik mencatatkan peningkatan 1.1 mata peratus daripada 81.7 peratus.

Mengulas lanjut mengenai kapasiti penggunaan di peringkat negeri, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada suku keempat 2023, industri Pembuatan bagi enam negeri beroperasi pada kapasiti melepasi paras nasional iaitu WP Labuan (95.6%); Negeri Sembilan (83.8%); Pahang (83.7%); Selangor (82.1%); Melaka (81.9%); dan Johor (81.8%). Sementara itu, enam negeri mengalami penurunan kapasiti penggunaan tahun ke tahun iaitu Kedah, Kelantan, Melaka, Perlis, Terengganu dan Sarawak. Tambahan lagi, Perlis kekal merekodkan kadar kapasiti penggunaan terendah pada 72.3 peratus.”

Prestasi keseluruhan tahun 2023, industri Pembuatan beroperasi pada kadar kapasiti lebih rendah iaitu 79.3 peratus yang berkurang 1.1 mata peratus berbanding tahun 2022 (80.4%). Hampir semua subsektor merekodkan penurunan kecuali Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (+1.5 mata peratus; 80.7%); dan Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (+0.5 mata peratus; 82.1%). Industri berorientasikan eksport berkurang 2.1 mata peratus kepada 78.3 peratus pada tahun 2023 (2022: 80.4%) manakala industri berorientasikan domestik merekodkan 81.4 peratus, meningkat 1.1 mata peratus (2022: 80.3%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:


- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

### **Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan**


Kapasiti Penggunaan (%)



**Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST4 2023 berbanding ST4 2022 dan ST3 2023**




**Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan Mengikut Negeri, ST4 2023**



Nota:\* termasuk WP Putrajaya

**Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, ST1 2021 – ST4 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**21 FEBRUARI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS FOURTH QUARTER 2023**

---

***Manufacturing industry's operated at 79.8 per cent of capacity in the fourth quarter of 2023***

**PUTRAJAYA, 21 February 2024** – The Manufacturing industry's operated at 79.8 per cent of capacity in the fourth quarter of 2023. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, Fourth Quarter 2023**.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Manufacturing industry's operated at 79.8 per cent of capacity in the fourth quarter of 2023, edged down by 0.4 percentage points as compared to a rate of 80.2 per cent in the fourth quarter of 2022. A lower capacity utilisation of the Manufacturing industry was primarily attributable to decreases in the sub-sector of Petroleum, chemical, rubber & plastic products (-4.2 percentage points); and Electrical & electronic products (-0.5 percentage points). On the other hand, the capacity utilisation of the Manufacturing industry was improved as against 79.4 per cent recorded in the previous quarter, continuing the positive trend for two consecutive quarters."

On a monthly basis, the utilisation rate in the Manufacturing industry exceeded 80.0 per cent for two consecutive months, operating at 80.4 per cent in October 2023 and 80.1 per cent in November 2023. Nonetheless, the capacity utilisation rate for December 2023 dropped to 78.9 per cent. The decline in the capacity utilisation rate in the fourth quarter of 2023 mirrored the trend of the Manufacturing Industrial Production Index, which slipped by 0.2 per cent (Q3 2023: -0.1%). The decrease in production capacity was primarily influenced by low demand, insufficient supply of materials and the repair & maintenance of machinery & equipment."

The Chief Statistician further elaborated, "There were five sub-sectors that posted a capacity utilisation rate above 80.0 per cent in the fourth quarter of 2023. The highest rate of 83.2 per cent was recorded by the Manufacture of non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products sub-sector, marking a year-on-year increase of 4.5 percentage points. This was followed by Transport equipment & other manufactures with 82.2 per cent (+1.7 percentage points). Meanwhile, the Manufacture of petroleum, chemical, rubber & plastics sub-sector operated at the lowest capacity with 77.9 per cent, lessened by 4.2 percentage points. In comparison

*with the preceding quarter, all sub-sectors posted an increase except for the Electrical & electronic products, which declined by 0.7 percentage points to 79.2 per cent.”*

*The capacity utilisation in export-oriented industries continued to decline for four consecutive quarters, dropping by 2.1 percentage points year-on-year to 78.4 per cent in this quarter. The Manufacture of coke & refined petroleum products recorded a substantial deterioration of 9.6 percentage points; reaching 76.1 per cent; followed by the Manufacture of textiles, which shrank by 7.7 percentage points to 76.9 per cent. In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation rate in export-oriented industries increased slightly by 0.02 percentage points.*

*Nevertheless, the capacity utilisation rate of domestic-oriented industries remained vibrant, registering 82.8 per cent in the fourth quarter of 2023 (+3.3 percentage points). All industries in this segment posted an upward trend except for the Manufacture of leather & related products which decreased by 10.9 percentage points to 81.9 per cent. As compared to the third quarter of 2023, domestic-oriented industries registered an increment of 1.1 percentage points from 81.7 per cent.*

*Elaborating on the capacity utilisation at the state level, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “In the fourth quarter of 2023, the Manufacturing industry in six states operated at a capacity exceeding the national rate, namely WP Labuan (95.6%); Negeri Sembilan (83.8%); Pahang (83.7%); Selangor (82.1%); Melaka (81.9%); and Johor (81.8%). Nonetheless, six states experienced a year-on-year decrease in capacity utilisation which were Kedah, Kelantan, Melaka, Perlis, Terengganu and Sarawak. Additionally, Perlis continued to record the lowest capacity utilisation rate at 72.3 per cent.”*

*Overall performance in 2023, the Manufacturing industry operated at a lower capacity rate of 79.3 per cent, which fell by 1.1 percentage points as against 2022 (80.4%). Almost all sub-sectors posted a decline except for the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (+1.5 percentage points; 80.7%); and Transport equipment & other manufactures (+0.5 percentage points; 82.1%). The export-oriented industries decreased by 2.1 percentage points to 78.3 per cent in 2023 (2022: 80.4%) while the domestic-oriented industries posted 81.4 per cent, improved by 1.1 percentage points (2022: 80.3%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024.

PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


**Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation – Annually, Quarterly and Monthly**

Capacity Utilisation (%)






**Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector, Q4 2023 as against Q4 2022 and Q3 2023**




**Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q4 2023**



Note:\* includes WP Putrajaya

**Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export and Domestic-oriented Industries, Q1 2021 – Q4 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
21 FEBRUARY 2024**